

**Pengerang Independent Terminals Sedia Tambah Pelaburan RM16 Bilion, Kata Najib
Bernama
Jun 26, 2014**

KOTA TINGGI, 26 Jun (Bernama) -- Pengerang Independent Terminals Sdn Bhd (PITSB) dijangka menambah RM16 bilion dalam tempoh 15 tahun akan datang bagi membangunkan lagi kawasan untuk memenuhi permintaan masa depan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Semasa mengumumkannya, beliau berkata pelaburan itu akan menyaksikan peluasan terminal bebas daripada kapasiti semasa 1.3 juta meter padu kepada 10 juta meter padu dalam tempoh 10 tahun.

"Juga apa yang amat penting ialah dengan setiap RM1 bilion pelaburan, kesan berganda akan menjadi RM20 bilion," kata beliau semasa berucap sebelum merasmikan Fasa 1A PITSB di Pengerang, di sini Khamis.

Najib, yang juga Menteri Kewangan berkata limpahan ekonomi daripada projek-projek ini amat besar.

"Dengan limpahan aktiviti ekonomi yang semakin pesat di negara ini, saya berharap ia akan mendorong lebih ramai anak-anak watan negeri Johor khususnya dan rakyat Malaysia amnya untuk menceburi bidang minyak, gas dan petrokimia, kata perdana menteri.

PITSB merupakan perkongsian awam-swasta antara kerajaan negeri Johor, Royal Vopak dari Belanda dan Dialog Group.

Perdana Menteri juga berkata pelaburan untuk Fasa 1 Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC) sahaja dijangkakan menyumbang RM18.3 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK) Malaysia menjelang 2020 serta mewujudkan lebih daripada 8,000 pekerjaan.

"Selepas 2020, angka itu dijangka meningkat kepada lebih RM48 bilion kepada PNK dan mewujudkan 15,000 pekerjaan," katanya.

PITSB merupakan antara projek pemangkin dalam PIPC.

Najib juga berkata terminal gas asli cecair (LNG) juga dicadangkan di Pengerang tahun depan, dan Malaysia mempunyai pengalaman luas dalam sektor berkenaan.

"Saya yakin Pengerang berada pada kedudukan yang baik untuk menampung pertumbuhan LNG pada masa akan datang. Untuk itu, kerajaan persekutuan bersedia memberikan sokongan perlu bagi membangunkan terminal dagangan LNG di sini," kata Perdana Menteri.

Pada masa ini, syarikat usaha sama itu melaksanakan kajian daya maju cadangan terminal LNG yang dijangkakan selesai antara tempoh enam bulan dan setahun.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1049437>